0808
U 8993 DEB
MAHATHIR - DEB

JITRA, 28 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENJEMPUT PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) DAN ORANG RAMAI UNTUK BERJUMPA DAN MENDAPATKAN PANDANGAN SEBELUM MERANGKA DASAR YANG BARU UNTUK MENGGANTIKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) YANG TAMAT PADA 1990.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA KERAJAAN JUGA AKAN MENDAPATKAN PANDANGAN PARA PENIAGA, GOLONGAN INTELEK DAN AHLI AKADEMIK.

KERAJAAN BAGAIMANAPUN BELUM MEMULAKAN PERBINCANGAN BAGI TUJUAN ITU DAN BELUM MENETAPKAN BILA PERJUMPAAN DENGAN MEREKA AKAN DIADAKAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SINI MALAM TADI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS PANDANGAN PARTI GERAKAN YANG MENURUT LAPORAN AKHBAR SEMALAM, MENYARAKAN KERAJAAN MENGGUBAL SATU DASAR EKONOMI NASIONAL YANG BERTUJUAN MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MENGHAPUSKAN KEMISKINAN UNTUK MENGGANTIKAN DEB.

MENURUT LAPORAN ITU PRESIDEN PARTI ITU, DATUK DR LIM KENG YAIK, DALAM KENYATAANNYA BERKATA DASAR YANG BARU ITU HENDAKLAH MEMBERI PELUANG YANG SAMA RATA KEPADA SEMUA PIHAK DALAM SOAL PEMBAHAGIAN KEKAYAAN, DI SAMPING MATLAMAT UTAMANYA UNTUK MEWUJUDKAN PERPADUAN.
-- LAGI.
1243MST 28 11 88

0819
U 8996 DEB
MAHATHIR - DEB 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN TURUT MENGKAJI PANDANGAN GERAKAN ITU BERSAMA-SAMA DENGAN PANDANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA KEDUDUKAN PARTI HAMIM DALAM BN TIDAK BERUBAH EKORAN PERLETAKAN JAWATAN PRESIDEN PARTI ITU, DATUK HAJI ASRI MUDA DAN 12 ANGGOTA MAJLIS PIMPINAN PUSAT (MPP) PARTI ITU, YANG KINI TELAH MENYERTAI UMNO.

BELIAU BERKATA HAMIM TETAP SEBAGAI PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, TIDAK DAPAT MEMASTIKAN BERAPAKAH BILANGAN ANGGOTA HAMIM YANG TELAH MENGIKUTI LANGKAH DATUK ASRI DENGAN MENYERTAI UMNO SETAKAT INI.

+DASAR UMNO SEKARANG IALAH MENERIMA SEMUA ORANG MELAYU. KALAU ADA LAGI ANGGOTA HAMIM HENDAK MENYERTAI UMNO KITA AKAN TERIMA,+ KATA BELIAU.

MENGENAI MESYUARAT UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA KETUA BAHAGIAN ITU, BERKATA, BELIAU TELAH MENERANGKAN PERKEMBANGAN ISU-ISU SEMASA, TERMASUK KEDUDUKAN HAMIM DALAM BN, KEPADA JAWATANKUASA BAHAGIAN ITU. -- BERNAMA.
1307MST 28 11 88